

# PROGRAM REMAJA BIJAK, KELUARGA PRIHATIN: SATU KAJIAN RINTIS INTERVENSI KELUARGA UNTUK PENGURANGAN PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM TALIAN DAN MEDIA BAHARU (SP17-015-0277)



## ABSTRAK

Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji keberkesanan satu program intervensi keluarga yang baharu dibina. Seramai 30 remaja dan 24 waris kepada peserta remaja telah dipilih sebagai sampel kajian. Untuk menguji keberkesanan program ini dalam meningkatkan kefahaman peserta, dua set soal selidik (pra dan pos) telah diberikan kepada kesemua peserta sebelum dan sesudah program. Dapatan kajian secara keseluruhan mendapati bahawa pemahaman peserta remaja dan waris meningkat dengan signifikan selepas menyertai program ini. Walaupun demikian, analisis modul individu secara berasingan menunjukkan dapatan yang berbeza. Hanya modul Keluarga bagi waris serta modul Diri dan modul Internet dan Media Baharu bagi remaja sahaja yang menunjukkan perbezaan signifikan selepas program. Disamping skor kefahaman, peserta turut melaporkan kepuasan yang tinggi terhadap program. Implikasi kajian dan cadangan untuk penambahbaikan modul dan pelaksanaan program turut dibincangkan.

## PENGENALAN

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Malaysia (2016) melaporkan jumlah penyalahgunaan dadah adalah tiga kali lebih tinggi dalam kalangan remaja dan belia, iaitu 20,295 berbanding daripada golongan dewasa, iaitu 6,373. Salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah terdapatnya maklumat dan ketersediaan pengedaran dadah dan bahan psikoaktif baru melalui internet dan media baharu (Van Buskirk et al., 2017; Orsolini et al., 2015). Disebabkan oleh ketersediaan maklumat tentang dadah dalam talian dan media baharu ini dan ditambah pula remaja dan belia merupakan golongan pengguna internet yang paling ramai, maka mereka dianggap berisiko tinggi untuk terpengaruh dan seterusnya terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Oleh yang demikian, kajian ini telah membangunkan satu program intervensi keluarga yang mengandungi modul-modul yang boleh meningkatkan faktor pelindung pada diri individu remaja dan keluarga dalam memerangi isu pengedaran serta penyalahgunaan dadah dalam talian dan media baharu.

## TUJUAN PENYELIDIKAN

Membangunkan satu program intervensi keluarga yang menyasarkan remaja dan waris tentang pengetahuan dan kemahiran dalam mengurangkan risiko penyalahgunaan dadah dalam talian dan media baharu.

Menguji keberkesanan program intervensi keluarga tersebut melalui kajian rintis.

Menghasilkan buku panduan atau manual yang boleh digunakan oleh ibu bapa, remaja dan belia, serta fasilitator sebagai panduan asas dalam mengelakkan daripada menjadi mangsa jenayah siber

## METODOLOGI

### Program Intervensi:

Program intervensi "REMAJA BIJAK, Keluarga PRIHATIN" ada 5 modul iaitu (1) pengetahuan, (2) diri, (3) keluarga, (4) internet dan media sosial & (5) undang-undang. Program ini dibuat dalam tempoh dua hari dan satu malam.

### Peserta Program:

30 remaja dan 24 waris (peserta waris adalah ibu atau bapa kandung peserta remaja). Daerah: Kulim, Kuala Muda, Baling, Sik dan Yan.

### Bentuk Kajian:

Kajian rintis, *cross-sectional* dan pre and pos.

### Instrumen Kajian:

Soal selidik yang mengandungi 30 soalan mengenai 5 modul Remaja BIJAK, Keluarga PRIHATIN, maklumat demografi dan tahap kepuasan peserta terhadap program kajian rintis.

## DAPATAN KAJIAN


Jadual 1: Analisis Ujian T-test Berpasangan untuk Skor Keseluruhan Modul

	Pra-program		Pos-program		n	Selang Keyakinan 95% untuk perbezaan Min	t	df	p
	Min	Sisihan piawai	Min	Sisihan piawai					
REMAJA	22.26	2.06	23.60	2.44	30	-2.17, -.48	-3.22	29	.002
WARIS	22.36	2.85	24.10	2.884	19	-2.698, -.77	-3.79	18	.001

Jadual 2: Analisis Ujian T-test Berpasangan Mengikut Modul

Kumpulan / Modul	Pra-program		Pos-program		n	Selang Keyakinan 95% untuk perbezaan min	t	df	p
	Min	Sisihan piawai	Min	Sisihan piawai					
<b>WARIS</b>									
Dadah	5.450	.887	5.500	.760	20	-.492; .392	-.237	19	.815
Diri	3.894	.737	4.421	1.261	19	-1.113; .061	-1.882	18	.076
Keluarga	3.736	.871	4.947	.970	19	-1.823; -.597	-4.146	18	.001
Media Baharu	4.684	.820	4.789	.976	19	-.584; .373	-.462	18	.650
Undang-undang	4.578	1.070	5.052	1.078	19	-1.015; .068	-1.837	18	.083
<b>REMAJA</b>									
Dadah	4.666	.628	4.833	.874	30	-.313; .379	.197	29	.845
Diri	3.566	1.074	4.533	.971	30	-1.421; -.512	-4.350	29	.000
Keluarga	4.600	.770	4.808	.805	30	-.466; .066	-1.533	29	.136
Media Baharu	4.200	.924	4.733	.739	30	-.922; -.144	-2.884	29	.009
Undang-undang	5.000	.787	4.700	.915	30	-.068; .668	1.663	29	.107

Figure 1: Min Skor Tahap Kepuasan Peserta Terhadap Program Kajian Rintis



## KESIMPULAN

1. Kajian menunjukkan peningkatan pemahaman yang ketara dalam kedua-dua kumpulan setelah mengikuti program intervensi "Remaja BIJAK, Keluarga PRIHATIN".
2. Kumpulan waris menunjukkan peningkatan pemahaman yang ketara dalam modul Keluarga.
3. Kumpulan remaja menunjukkan peningkatan pemahaman yang tinggi dalam modul Diri dan Internet dan Media Baharu.
4. Analisis berkenaan kepuasan peserta terhadap program adalah amat tinggi bagi kedua-dua kumpulan. Peserta menerima baik cara pelaksanaan program.

## CADANGAN

Hasil kajian ini mengesahkan bahawa program intervensi keluarga Remaja BIJAK, Keluarga PRIHATIN adalah berkesan secara menyeluruh, terutamanya bagi modul Keluarga untuk kumpulan waris dan modul Diri dan Internet dan Media Baharu bagi kumpulan remaja. Hasil kajian juga mengesahkan kesesuaian program ini untuk digunakan oleh pihak penaja sebagai program intervensi untuk keluarga dan remaja dalam masyarakat selepas proses penambahbaikan dan pemurnian kandungan program telah dilakukan. Adalah disarankan juga supaya fasilitator yang akan melaksanakan modul ini diberi latihan dalaman supaya keberkesanan hasil program dapat ditingkatkan.

### Penghargaan dan Rujukan:

Kajian ini ditaja oleh Geran Penyelidikan Ilmiah Agensi Antidadah Kebangsaan 2017.

Bernama (2016, December 27). Trend among drug traffickers to use teens as 'pushers' worrying-AADK. Retrieved from <http://www.bernama.com.my/bernama/v8/ge/newsgener al.php?id=1314999>

Van Buskirk, J., Griffiths, P., Farrell, M., & Degenhardt, L. (2017). Trends in new psychoactive substances from surface and "dark" net monitoring. *The Lancet Psychiatry*, 4(1), 16-18.

Orsolini, L., Francesconi, G., Papanti, D., Giorgetti, A., & Schifano, F. (2015). Profiling online recreational/prescription drugs' customers and overview of drug vending virtual marketplaces. *Human Psychopharmacology: Clinical and Experimental*, 30(4), 302-318.



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
وَبَشِّرِ الصَّالِحِينَ إِذَا دَارُوا بَيْنَنَا مَلْمُومِينَ

Dr. Nazariah Shar'ie Bt. Janon (Ketua Penyelidik), Dr. Nor Diana Mohd Mahudin, Dr. Azlin Alwi, Allahyarhamah Dr. Mimi Iznita Bt. Mohamed Iqbal (26.7.1978 – 10.12.2017)

Department of Psychology,  
Kulliyah of Islamic Revended Knowledge & Human Sciences,  
International Islamic University Malaysia

Phone: 03-61965147, Fax: 03-6195063

Email: nazariah@iiu.edu.my

Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia,  
Kementerian Dalam Negeri

Jalan Maktab Peguruan Islam

43000 Kajang, Malaysia

Tel. No: +03-8911 2200

Fax: +03-8926 2055

Web: <http://www.adk.gov.my>

